

# PROGRAM BANGKIT BERSAMA HIDUP PENUH ERTI PANGKALAN UDARA LABUAN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4168-program-bangkit-bersama-hidup-penuh-erti-pangkalan-udara-labuan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4168-program-bangkit-bersama-hidup-penuh-erti-pangkalan-udara-labuan)

LABUAN, 24 Nov 18 - Program Bangkit Bersama Hidup Penuh Erti yang diadakan di Dewan Mutiara, Pangkalan Udara Labuan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua peringkat pegawai dan anggota dari PU Labuan dan PUKALUB Kota Kinabalu. Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hj Tengku Muhaini binti Sultan Hj Ahmad Shah turut hadir memeriahkan program bersama-sama dengan Panglima Wilayah Udara 2, Brig Jen Dato Hj Yazid bin Arshad TUDM dan Komander Pangkalan Udara Labuan, Brig Jen Dato Hj Sardon bin Hassan TUDM. Pelbagai program telah diadakan seperti Forum Anti Dadah oleh penceramah dari AADK dan PEMADAM, acara sukan dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.





